

Ra'ayat perlu mempunyai sifat bangsawan, hartawan, dermawan dan setiawan

4 SIFAT BAGI PEMIMPIN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah mengingatkan ra'ayat bahawa kewajipan mereka akan bertambah berat apabila perlembagaan baharu Negeri Brunei di-kuatkuasakan tidak lama lagi.

Ingatan itu telah di-titahkan di-dewan Civic Centre di-sini pada hari Ahad lepas sa-masa Kerabat Diraja dan Pengiran2 mengadakan majlis jamuan teh kerana mengucapkan shukor atas kejayaan Baginda merundingkan perlembagaan baharu bagi negeri ini di-London baharu2 ini.

"Dengan terchapai-nya chita2 ra'ayat dari hasil kejayaan perundingan perlembagaan itu, kewajipan kita sakalian akan bertambah berat.

"Pengiran2 yang juga menjadi ra'ayat yang patoh sejak zaman yang telah lalu hendaklah menyesuaikan diri dalam mengikuti kesedaran dan kemajuan bangsa zaman ini.

"Kita mahu-lah melengkapi diri dengan pelajaran kerana hanya dengan mempunyai pelajaran dan luas pengalaman sahaja kemajuan akan lebih sempurna di-chapai untuk kebahagiaan ra'ayat."

Duli Yang Maha Mulia itu sa-lanjut-nya telah menghuraikan empat syarat yang mustahak di-inati oleh pemimpin2 ra'ayat.

Pertama sifat Bangsawan — dengan menyebut Bangsawan, bukan-lah semata2 maksud-nya sa-orang itu berasal dari keturunan yang mulia dan berdarjat tinggi tetapi ada-lah lebih mulia sa-saorang yang mempunyai bangsawan di-budi bahasa dan bangsawan di-adab tertib, bangsawan di-tutor kata, ingati-lah "bahasa menonjolkan bangsa."

Kedua sifat hartawan — di-sini

Pejabat pegawai penerangan

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Pegawai Penerangan Negeri Brunei dan kaki tangan Pejabat Penerangan Bandar Brunei sekarang ini di-tempatkan di-bangunan Civic Centre di-sini.

Pejabat lama di-bangunan Pemancha, Jalan Roberts itu mengandungi bilek bacaan awam dan khutub khanah.

bukan-lah hanya semata2 kaya di-harta benda dan wang, tetapi sa-orang hartawan yang kaya di-fikiran, kaya di-pengetahuan, kaya di-pengalaman, suka memberi nasihat dan pertolongan kepada yang perlukan pertolongan dan nasihat.

Ketiga Dermawan. Sa-saorang dermawan yang mulia dan lebih di-berkati Allah Ta'ala adalah dermawan yang mempunyai peringatan dan tujuan yang ikhlas dan jujur yang bukan hanya semata2 berbuat demikian kerana dan keharuman diri sendiri.

Keempat Setiawan — Kesetiaan yang di-maksudkan di-sini bukan-lah hanya sa-mata2 setia pada kerajaan atau pemerintah tetapi kita hendaklah setia pada kata2 dan janji2 kita, setia pada persumpahan kita, setia pada ikrar dan niat hati yang suchi.

Setiawan yang demikian akan melengkapi maksud setia bakti terhadap bangsa-nya dan tanah ayer.

Majlis itu telah di-pengerusi-kan oleh Pengiran Muda Safiuddin ibni Al-merhum Duli Pengiran Bendahara dan telah di-had-hiri oleh lebih 500 orang tetamu.



Tutong — Duli Yang Maha Mulia telah di-rai'ken oleh ra'ayat baginda di-daerah ini dalam satu majlis yang di-adakan di-Sekolah Melayu Muda Hashim baharu2 ini.

Majlis itu di-adakan kerana mengucapkan keshukoran ra'ayat atas kejayaan baginda dan rombongan perlembagaan dalam perundingan perlembagaan di-London dalam bulan March dan April lepas.

Ra'ayat telah juga mengucapkan keshukoran mereka atas kurniaan bintang2 kehormatan Persekutuan Tanah Melayu kepada Duli Yang Maha Mulia. Baginda telah di-kurniakan bintang D.M.N. oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dan D.K. oleh Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

Gambar di-atas menunjukkan Duli Yang Maha di-sambut oleh jawatan kuasa majlis sa-masa tiba di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

IKRAR TA'AT SETIA KAUM CHINA KAPADA DYMM

BANDAR BRUNEI. — Ta'at setia kaum China telah di-sampaikan kepada Duli Yang Maha Mulia dalam satu majlis jamuan yang di-adakan di-dewan Civic Centre di-sini baharu2 ini kerana mengucapkan shukor atas keja-

an Duli Yang Maha Mulia dalam perundingan perlembagaan di-London.

Kaum China telah juga mengalu2kan kurnian bintang2 kehormatan Persekutuan Tanah Melayu kepada baginda.

SHARAT2 UNTUK MENGUNJONGI SERI PADUKA

BANDAR BRUNEI. —

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu ada-lah di-umumkan dengan rasminya akan melawat ka-Brunei mulai 6 haribulan ini.

Baginda melawat sa-chara muhibbah dan akan berada di-sini sa-lama sa-minggu.

Satu jadual berkenaan dengan lawatan itu telah di-ator oleh Jawatan Kuasa Penyambut dan oleh kerana Duli2 Yang Maha Mulia akan sibok memenuhi jadual itu ada-lah mustahak bagi baginda mendapat rehat yang sa-chugup-nya.

Yang demikian sa-saorang itu tidak akan di-benarkan mengunjongi baginda di-Residence kecuali ada sebab2 yang mustahak.

Orang2 yang hendak mengadap hendaklah terlebih dahulu memohonkan kebenaran memasuki kawasan Residence daripada Setiausaha British Resident.

Permohonan itu akan di-sampaikan kepada setiausaha sulit baginda untuk di-timbangkan.

Rombongan penuntut2 Borneo

SERIA. — Sa-rombongan murid2 dari Borneo Utara mungkin melawat ka-Negeri Brunei tidak berapa lama lagi.

Sa-masa berada di-negeri ini, murid2 itu akan mengadakan perlawanan hokey dan criket sa-chara persahabatan dengan pasokan2 di-Daerah Kuala Belait dan Brunei.

Murid2 yang akan melawat ka-Brunei akan di-pilih sa-lepas di-adakan perlawanan di-antara murid2 dari Daerah2 Sandakan dan Jesselton sedikit hari lagi.

"KORAN IZINKAN KITA MENUNTUT ILMU KEDUNIAAN"

BANDAR BRUNEI.—Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Kadhi Besar Brunei, telah menyeru murid2 Islam supaya mempelajari isi yang sa-benar-nya terkandung dalam kitab suchi Al-Koran.

Beliau telah membuat seruan itu dalam ucapan-nya tatkala mengadakan istiadat menyambut Hari Raya Haji anjoran bersama sekolah2 Sultan Muhamed Jamalul Alam, Lela Menchanai dan Sultan Omar Ali Saifuddin College di-adakan di-sini baharu2 ini.

Yang Amat Mulia itu sa-terus-nya berkata :

"Kitab suchi Al-Koran yang kita aji sa-tiap masa dan waktu itu mengandongi ajaran di-dalam-nya. Barang siapa yang tidak perchaya kapada ajaran itu akan rugi kelak.

"Jangan-lah baca Koran itu hanya begitu sahaja, malah pelajari-lah kandungan-nya dengan bersungguh2."

Pengiran Shahbandar sa-lanjut-nya menerangkan bahawa ugama Islam tidak menghalang penganut2-nya menuntut pelajaran2 keduniaan yang di-perlukan kerana kehidupan.

"Tuhan telah berfirman dalam surat Kusus, ayat 77 yang bermaksud supaya penganut2 ugama Islam menuntut bukan sahaja ilmu akhirat bahkan ilmu dunia juga," kata beliau.

Ilmu yang demikian itu akan membolehkan sa-saorang itu menchiptakan diri-nya sa-bagai ahli sa-suatu umat yang sanggup hidup sempurna dan bahagia, kata beliau lagi.

Keputusan peraduan bacaan Koran itu ada-lah saperti berikut :

Peserta2 dari sekolah2 SMJA dan Lela Menchanai: Abdul Wahab bin Tuan Imam (1), Kassim bin Abu Bakar (2) dan Ahmad bin Abdul Rahman (3).

Peserta2 SOAS Collage: Abdul Wahab bin Mohd Said (1), Ali Akbar bin Awang Bakar (2) dan Sahari bin Hussain (3).

Hadiah2 telah di-dermakan oleh ibu bapa murid2 sekolah2 tersebut.

ROMBONGAN PERUBATAN KA-BANGAR

TEMBURONG.— Satu rombongan kesihatan dari rumah sakit Bandar Brunei di-jadualkan melawat ka-beberapa tempat di-daerah ini untuk merawat dan memeriksa kesihatan penduduk2 kampung.

Ibu2 yang sedang mengandung dan anak2 mereka ada-lah di-nasihatkan berjumpa rombongan itu pada hari dan tempat saperti berikut :

KAMPONG BUKOK (tiap2 pagi Khamis) pada pada 23 July, 20 August, 17 September, 16 October, 12 November, 10 December dan 7 January, 1960.

BANGAR TEMBURONG (tiap2 pagi Khamis) pada 16 July, 13 August, 10 September, 8 October, 5 November, 3 dan 31 December dan 28 January, 1960.

LABU ESTATE (tiap2 pagi Khamis) pada 30 July, 27 August, 24 September, 22 October, 19 November, 17 December dan 14 January, 1960.

KAMPONG BATU APOI (tiap2 pagi Khamis) pada 6 August, 3 September, 1 dan 29 October, 26 November, 24 December dan 21 January, 1960.

AHLI2 IKATAN BUDAYA DI-BAWA MENGELILINGI DUNIA

BANDAR BRUNEI.— Ikatan Budaya Melayu Brunei (IBU) telah mengadakan satu majlis cheramah di-dewan Civic Centre di-sini baharu2 ini untuk memberi peluang kapada ahli2 dan orang ramai mendengar fikiran dan pendapat atas kebudayaan Melayu Brunei.

Cheramah yang menarek hati telah di-berikan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof, Yang di-Pertua IBU dan Yang Berhormat Pengiran Mohamed Ali.

Beliau telah berseharah berkenaan dengan lawatan-nya mengelilingi

ngi dunia dan telah membandingkan kebudayaan Brunei dengan kebudayaan bangsa2 yang di-lawati-nya.

Pengiran Ali telah bercheramah berkenaan dengan Orang2 Brunei dan negeri mereka.

Majlis itu telah di-pengerusikan oleh Inche Zain Ariff, setia usaha IBU.

Lantekan doktor baharu

Dr. R. Harrell telah di-lantekan menjadi Pegawai Perubatan, Brunei mulai 3 June, 1959.

MURID2 SOAS BOLOT HADIAH BAHATHAN

BANDAR BRUNEI.— Satu peraduan bahath dan sharahan telah di-adakan bersama oleh sekolah2 Melayu Sultan Mohamad Jamal ul-Alam, Lela Menchana dan Maktab Omar Ali Saifuddin di-sini sa-bagai achara sambutan Hari Raya Haji tahun ini.

Peraduan tersebut di-adakan di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Tajok bahath yang telah diperlawankan itu ia-lah "untuk kebaikan manusia keamanan lebeh di-utamakan dari kema'moran".

Murid2 yang mengambil bahagian, penchadang: Asri bin Abu Bakar, Abidin bin Jair dan Abdul Wahab bin Sulaiman; dan pembangkang: Ak. Ibrahim bin Pengiran Ismail, dan Pawi bin Abdul-Latif.

Pehak penchadang telah mendapat markah tertinggi.

Keputusan peraduan berchap petah ia-lah: Haji Tarif bin Haji Mohammad (1), Abdul Latif bin Abdul Hamid (2) dan Masri bin Abu Bakar (3).

Tajok bahath yang mendapat tempat pertama itu ia-lah "manusia dengan akhlak".

Kedua2 peraduan itu telah dimenangi oleh murid2 maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Pemenang2 bacaan koran

Gambar di-bawah menunjukkan pemenang pertama bacaan Al-Koran, Hajjah Zainab binti Haji Salleh dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menerima hadiah-nya yang di-sampaikan oleh isteri Inche Ajmain (Pemangku Pegawai Kehutanan Brunei). Di-tengah2 kelihatan Ustazah Sharifah Mastura, Yang di-Pertua sambutan Hari Raya Haji anjoran sekolah tersebut.

Peraduan Koran murid2 perempuan

BANDAR BRUNEI.— Satu majlis bacaan Koran kerana merayakan sambutan Hari Raya Haji telah di-adakan baharu2 ini di-dewan sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-sini di bawah anjoran satu jawatan kuasa khas yang terdiri dari ibu2 dan guru2 sekolah itu.

Sa-belum peraduan di-jalankan ucapan daripada beberapa orang ahli jawatan kuasa itu telah di-lafazkan kerana mengalu2kan dan mengingati hari bahagia itu.

Yang di-Pertua Sambutan tersebut, Ustazah Sharifah Mastura, sa-orang guru sekolah itu berkata:

"Kita berkumpul di-sini adalah satu kesempatan kita menghubungkan salatul rahim, berke-nal2an, beramah tamah dan dapat kita bersama2 menyaksikan kemajuan anak2 kita di-lapangan pelajaran.

"Dengan mengadakan pertandingan bacaan kitab suchi Al-Koran mudah2an anak2 kita bertambah maju dan lebeh2 giat lagi mempelajari ugama."

Satu jamuan ringan telah di-adakan sa-lepas peraduan itu.

Murid2 yang telah berjaya ia-lah :—

Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah: Latifah binti Awang Aji (1), Siti Tinah binti Abdul Rahman (2) dan Masnah binti Awang Besar (3).

Sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei: Hajjah Zainab binti Haji Salleh dari Sekolah Melayu RIF (1), Nuriah binti Abas dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (2), dan Siti binti Mohd. Yusof dari Sekolah Melayu RIF (3).

Puan Halimah Hussin, Puan Zahrah binti Tengah dan Chegu Malai Sukinah binti Shaikh Mahmud telah menghakimkan peraduan tersebut.



JADUAL PENOH LAWATAN SERI PADUKA YANG DI-PERTUAN AGONG

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Brunei sa-lama sa-minggu mulai 6 haribulan ini.

Segala kehormatan Diraja akan di-adakan sa-bagai menyambut Duli2 Yang Maha Mulia itu. Di-bawah ini ia-lah jadual penoh lawatan baginda2 :—

JUMA'AT 3 JULY, 1959

7.00-8.25 malam — Jamuan perjumpaan di-Istana Darul Hana, Brunei.
Istiadat membuka Jaga2 Diraja Di-Lapau.

2.45 petang

ITHNIN, 6 JULY, 1959

2.45 petang

2.50 "

2.55 "

3.00 "

— Yang Berhormat Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan ahli2 jemputan bersedia, di-padang Kapal Terbang, Berakas.

— Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Isteri, Yang Berhormat British Resident, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Isteri tiba di-Padang Kapal Terbang, Berakas.

— Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Maha Mulia Raja Isteri berserta Pengiran2, Panglima, Perhiasan Diraja dan Pasokan Sinipit tiba di-Padang Kapal Terbang Berakas.

— Kapal Terbang yang membawa Rombongan Diraja tiba, bendera Persekutuan Tanah Melayu di-kibarkan di-iringi dengan tembakan meriam sa-banyak 21 das dan Yang Dipertua Adat Istiadat Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha menjunjung Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong.

Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat dari kapal terbang di-sambut oleh Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Yang Maha Mulia Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri dan British Resident.

Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong menerima Barisan Kehormatan di-sertai dengan Lagu Kebangsaan — Persekutuan Tanah Melayu, kemudian di-ikuti pula oleh Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.

Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong memereksa Barisan Kehormatan.

Yang Maha Mulia Sultan Brunei mengenalkan Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Yang Berhormat Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri kepada Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong, kemudian di-ikuti pula oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha mengenalkan Ketua2 Pejabat, Pegawai2 Tadbir dan Menteri2.

Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat ka-Residency melalui barisan Pasokan yang menyambut dan budak2 Sekolah.

SUSUNAN KERETA

Penjaga Keselamatan dan Alat Perhiasan Diraja.

(1) Kenaikan Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Yang Maha Mulia Sultan Brunei di-sertai dengan A.D.C. (tentra) kepada Yang Maha Mudia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Pehin Orang Kaya Sangga Mara Setia Diraja.

Penjaga Keselamatan.

(2) Kenaikan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong dan Yang Maha Mulia Raja Isteri di-sertai dengan A.D.C. awam dan A.D.C. tambahan kepada Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong.

Penjaga Keselamatan.

(3) Kenaikan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Isteri.

(4) Kenaikan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Isteri.

(5) Kereta Yang Berhormat British Resident, Brunei.

(6) Kereta Yang Amat Mulia Cheteria2.

(7) Kereta2 Pengetua Adat Istiadat.

Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei tiba di-Residency di-sambut oleh Kerabat Diraja dan Menteri2 yang di-ketuai oleh Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja.

3.40 petang

5.00 "

5.05 "

5.30 "

5.40 petang

5.45 "

7.00 malam

7.30 "

12.00 "

THALATHA 7 JULY, 1959

8.00 pagi

9.00 pagi

3.00 petang

5.00 petang

7.00 malam

7.30 "

8.15 "

12.00 "

RABU, 8 JULY, 1959

9.10 pagi

9.15 "

9.30 "

9.40 "

10.00 "

10.05 "

— Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat dari Residency di-ikuti oleh yang lain2.

— Ahli2 jemputan sedia berator di-Istana Darul Hana di-tempat yang di-khaskan.

— Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri, Yang Berhormat British Resident, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Isteri tiba di-Istana Darul Hana di-bawa ka-tempat yang di-khaskan.

— Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong tiba di-Istana Darul Hana di-alu2-kan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri, Yang Berhormat British Resident, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Pengetua Adat Istiadat, kemudian terus berangkat ka-tempat yang di-khaskan untuk menerima Kehormatan Diraja di-ikuti dengan Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu.

Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat masuk-ka-dalam Istana melalui barisan alatan Perhiasan Diraja dan Menteri- di-alu2-kan oleh Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Yang Maha Mulia Raja Isteri terus bersama2 masuk ka-Cheradi kerana berehat sementara.

— Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong bersama2 dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dan Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat ka-Peterana di-Istana Darul Hana di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri, Yang Berhormat British Resident, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Isteri.

— Istiadat memberi Selamat di-jalankan.

— Berchuchol di-kawasan Bandar Brunei dan Kampong Ayer.

— Temasha malam di-mulakan di-Padang Besar, Sandiwara Panglima Awang.

— Temasha di-tamatkan.

— Perlumbaan perahu dan Out Board mulai dijalankan di-Customs Wharf.

— Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri tiba di-jambatan Customs di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri dan Yang Berhormat British Resident di-sambut oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera.

— Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri di-iringkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar melawat Kampong Ayer.

— Perlumbaan Out Board di-tamatkan.

— Berchuchul di-kawasan Bandar Brunei dan Kampong Ayer.

— Temasha Malam di-mulakan di-Padang Besar, Bandar Brunei.

— Jamuan Agong, di-Civic Centre di-ikuti oleh pertunjukan kebudayaan Brunei.

— Temasha malam di-tamatkan.

— Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat dari Residency melawat Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Berhormat British Resident dan Orang2 yang di-khaskan.

— Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri dan Rombongan tiba di-Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sambut oleh Pegawai Pelajaran Negeri Brunei dan Pengetua Sultan Omar Ali Saifuddin College.

— Rombongan Diraja berangkat dari Sultan Omar Ali Saifuddin College.

— Rombongan Diraja tiba di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam di-sambut oleh Pengelola Pelajaran Melayu, Ketua Nazir Sekolah2 Melayu dan Guru Besar Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

— Rombongan Diraja berangkat dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

— Rombongan Diraja tiba di-Sekolah Melayu Raja (Lihat muka 8)

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei
RABU, 1 JULY, 1959.

LAWATAN UNTUK MENGOKOHKAN PERSAUDARAAN

Sa-lama sa-minggu mulai 6 haribulan ini Brunei akan merayakan lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu yang telah menerima jemputan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Sultan yang dikemukakan oleh baginda sa-masa mengadakan lawatan ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini.

Sungguh pun lawatan Seri Paduka itu di-itaraf sa-bagai satu lawatan muhibbah sahaja tetapi maana-nya tidak-lah kurang dari lawatan negara sa-kira-nya Negeri Brunei ini sa-buah negara yang merdeka dan bebas dalam segala perhubungan.

Seri Paduka itu tidak akan bera-sa bahawa baginda berada di-negeri asing sa-lama bersemayam di-Brunei kerana kedatangan baginda sangat2 di-tunggu oleh ra'ayat negeri ini yang ta'at setia kepada Raja mereka, tambahan lagi Duli Yang Maha Mulia telah berulang kali bertitah bahawa ra'ayat Negeri Brunei ada-lah terdiri dari bangsa Melayu yang satu keturunan, satu ugama, satu sejarah satu kebudayaan dan satu bahasa dengan saudara2 mereka di-Tanah Melayu.

Lawatan Seri Paduka itu bukanlah hanya membuktikan kebenaran titah Duli Yang Maha Mulia itu tetapi akan mengokohkan lagi tali persaudaraan di-antara Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam hal ini Brunei telah pun membuktikan perasaan persaudaraan itu dengan memberi bantuan wang kepada Persekutuan Tanah Melayu untuk melaksanakan rancangan2 kemajuan kampung yang di-duduki oleh ra'ayat jelata yang kebanyakan-nya terdiri dari orang2 Melayu.

Akan tetapi kekayaan Brunei belum memberi faedah yang sa-chukup-nya kepada ra'ayat kerana negeri ini maseh lagi kekurangan pegawai2 yang bijak dan pandai menguruskan pertadbiran dan teknik untuk perkembangan negara.

Persekutuan Tanah Melayu ada-lah di-harapkan meminjamkan pegawai2 Melayu kepada Brunei kerana sungguh pun Brunei boleh mendapat pegawai2 yang bijak dan pandai itu dari negeri2 lain tetapi mereka itu tidak akan senang hendak di-faham oleh ra'ayat yang mengerti hanya bahasa Melayu sahaja.

Satu tempoh yang lama akan terbuang bagitu sahaja dengan tidak mendatangkan faedah kepada ra'ayat jika mithal-nya, sa-orang yang tidak tahu bahasa Melayu di-datangkan dari negeri lain untuk memberi panduan kepada ra'ayat.

Pilihan di-sambut dengan baik oleh seluruh dunia

SEJARAH HIDUP SERI PADUKA

DULI YANG MAHA MULIA Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad telah di-lahirkan di-Negeri Sembilan pada 24 August, 1895 dan di-tabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 2 September, 1957.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka itu ia-lah keturunan yang ke-delapan daripada Raja Melawar, sa-orang Anak Raja dari Daerah Minangkabau di-Negeri Sumatra yang telah menubuhkan takhta Kerajaan Negeri Sembilan yang turun temurun dari tahun 1773 hingga kahari ini.

Raja Melawar telah di-jemput oleh penghulu 2 luak negeri yang kecil itu yang kemudian-nya di-kenali sa-bagai Negeri Sembilan untuk menjadi Raja negeri itu dengan gelaran Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang ini telah di-pilih menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 3 August, 1933 apabila ayahanda-nya mangkat.

Satu adat yang istemewa di-Negeri Sembilan yang maseh di-gunakan hingga sekarang ia-lah adat perpatih yang memberi hak kepada perempuan memileki tanah.

Tuanku Abdul Rahman mulai belajar di-Sekolah Melayu di-Kuala Jempol, Negeri Sembilan dan kemudian dari tahun 1907 hingga 1914 di-Malay College, Kuala Kangsar, Perak. Sa-telah lulus dari kolej itu, Baginda pun di-lantek menjadi Pegawai Melayu di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan Persekutuan di-Kuala Lumpur. (Pejabat itu ia-lah Pejabat Setia Usaha Kerajaan Negeri2 Melayu Bersekutu).

Kemudian Baginda berkhidmat pula di-Selangor, Negeri Sembilan dan Perak, sa-bagai Penolong Pemungut Hasil2 Tanah di-Seremban (1915), Penolong Pegawai Melayu di-Klang, Selangor (1921), Penolong Pegawai Daerah Ulu Selangor (1922) dan kemudian di-lantek menjadi Timbalan Pegawai Daerah Ulu Selangor (1923).

Pada tahun 1925 Baginda di-tukarkan ka-Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur dan beberapa bulan kemudian di-tukarkan pula ka-Sepang sa-bagai Pemangku Penolong Pegawai Daerah.

Dalam tahun 1916 Tuanku Abdul Rahman di-lantek menjadi Second Lieutenant dalam Malayan Volunteer Infantry di-Seremban dan pada tahun

1918 Baginda di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Pemerintah pasokan Malayan Volunteer Infantry, Negeri Sembilan.

Dalam bulan May tahun 1925, Baginda mengiringi paduka ayahanda-nya Al-marhum Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ka-England dan melawat ka-temasha Pertunjukan British Empire di-Wembley. Baginda telah mengiringi paduka ayahanda-nya pada masa Al-marhum itu berangkat mengadap King George yang kelima di-Istana Buckingham.

Dalam bulan October tahun



Yang di-Pertuan Agong

1925 Tuanku Abdul Rahman memasoki Inns of Court di-London kerana menuntut ilmu undang2. Baginda telah lulus dari Inner Temple dalam bulan November, 1928, dan tidak berapa lama kemudian, balek ka-Malaya.

Baginda telah di-hantar ka-Tapah, Perak dan berkhidmat sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Kedua. Kemudian Baginda di-tukarkan pula ka-Gopeng dan lepas itu ka-Kampar di-Perak juga. Dalam tahun 1930, Baginda di-tukarkan ka-Kuala Lumpur sa-bagai Pemangku Magistrate dan dalam tahun 1931 di-lantek menjadi Pendaftar Mahkamah Tinggi di-Ipoh, Perak.

Dalam tahun 1932 Baginda telah balek ka-Kuala Lumpur sa-bagai Magistrate dan kemudian menjadi Pemangku Pegawai Daerah Kuala Langat, Selangor dan lepas itu Pemangku Pegawai Daerah Batang Padang, Perak.

Dalam bulan July tahun 1933 Tuanku Abdul Rahman telah di-panggil dengan sa-konyong2 ka-Sri Menanti, Negeri Sembilan kerana paduka ayahanda-nya sangat gering.

Apabila Al-marhum Tuanku Muhammad mangkat, Tuanku

Abdul Rahman telah di-pilih menggantikan ayahanda-nya sa-bagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Tuanku Abdul Rahman belajar ka-England dalam tahun 1937 sa-bagai dhaif kepada Kerajaan Inggeris dalam istiadat Kemahkotaan King George ke-enam dan Queen Elizabeth. Baginda telah di-beri kehormatan mengadap King George ke-enam.

Baginda telah melawat ka-United Kingdom beberapa kali dalam tahun 1934 dan sa-kali lagi dalam tahun 1954 kerana menemui pakar2 perubatan serta juga sa-kali lagi dalam tahun 1951 kerana berehat.



Raja Permaisuri Agong

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu mempunyai tiga orang putera dan empat orang puteri.

Putera sulong-nya, Tengku Munawir ia-lah Pemangku Raja Negeri Sembilan sekarang. Tengku Jaafar pada masa ini berkhidmat di-Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu di-Washington, Amerika Sharikat dan Tengku Abdullah, sa-orang pegawai perkhidmatan awam Persekutuan Tanah Melayu.

Permaisuri Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong, Tuanku Karsiah binte Tengku Besar Burhanuddin.

Perlembagaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka telah di-luluskan pada 11 July, 1957 dan satu dari sharat2 besar-nya ia-lah sa-orang Yang di-Pertuan Agong Persekutuan itu hendak-lah di-pilih oleh Raja2 Melayu di-antara mereka sendiri.

Pada 3 August, 1957 Duli2 Yang Maha Mulia itu telah bermesuarat di-Kuala Lumpur dan dengan undi sulit Duli2

(Lihat muka 5)

Kemalangan dahshat di-laut — 7 terbunuh

SERIA. — Tujoh orang telah terbunuh dalam satu kemalangan helicopter yang berlaku di-laut di-sini pada malam 21 June lepas. Helicopter itu di-punyai oleh sharikat World Wide Helicopter Ltd. dan telah di-pajakkan kepada sharikat Brunei Shell Petroleum Company untuk membawa pekerja2 sharikat itu pergi dan balek dari pelantaran minyak di-laut.

Dalam satu pengumuman, sharikat BSP berkata bahawa helicopter itu telah jatuh terlempas di-laut lebeh kurang satu batu dari pantai. Semua penumpang2-nya di-perchayai telah terbunuh.

Helicopter itu telah di-jumpai dalam ayer 24 kaki dalam-nya.

Usaha menchari mayat penumpang2 yang malang itu telah di-jalankan dengan serta merta.

Sa-takat ini mayat lima orang, sa-orang Belanda, A. R. Rijnsdorp dan empat orang Indian, V. A. Jama' Mohamed, Abdul Rahman Kassian Pillai, Mohamed Ali dan R. Dharmarajoo telah

di-dapati.

Pemandu helicopter tersebut, Jean Cecille, sa-orang Peranchis dan sa-orang anggota pengorek

telaga minyak, K. Habeeb Mohamed, bangsa Indian belum di-dapati lagi.

Berikutan dengan kemalangan itu satu penyisatan telah di-jalankan di-Seria oleh sa-orang pegawai dari Lembaga Pendafter Pesawat Udara, Singapura dan Pengarah Perkhidmatan Terbang Awam dari Labuan.

Pendapat mereka itu akan di-umumkan kelak.

SANDIWARA "JONG BATU" UNTUK TEMASHA MALAM DI-BRUNEI

Kira2 500 tahun yang lalu ... Pada masa itu Negeri Brunei ada-lah sa-buah negara yang bebas dan merdeka dan sedang naik semarak luas kuasa-nya serta harum nama-nya di-seluruh Pulau Borneo.

Dalam zaman itu, Raja yang memerintah Brunei ia-lah sa-orang Raja yang muda remaja dan gagah perkasa bernama Sultan Bolkihah dan baginda juga diberi nama julukan "Nakhoda Ragam."

Baginda ia-lah Sultan Brunei yang kelima. Mengikut sejarah di-zaman pemerintahan baginda-lah nama Brunei termashhor hingga ka-benua Eropah dan negara luar lain-nya.

Dalam zaman itu Brunei menjadi Empire, sa-buah kerajaan raya yang bukansahaja meliputi seluruh Pulau Borneo bahkan merebak hingga ka-Pulau Luzon dan Palembang di-Sumatra.

Dalam pemerintahan baginda ini-lah muncul sa-orang besar

yang di-segani oleh seluruh ra'ayat Brunei dan beliau ia-lah sa-orang yang kaya raya, tetapi di-segani oleh kerana kebijaksanaan-nya dalam hal perniagaan dan pelayaran. Beliau telah di-angkat menjadi Pehin Orang Kaya dan menjadi orang kanan dalam pemerintahan Sultan Bolkihah.

Sa-waktu pemberontakan berlaku di-Sulu, Pehin Orang Kaya ini telah menjadi mangsa dan terkorban sa-masa menjalankan perintah sa-bagai wakil Sultan Bolkihah. Beliau meninggalkan sa-orang isteri dan sa-orang anak laki2 yang di-kasehi-nya.

Anak itu bergelar "Nakhoda Manis." Ia menurut jijak ayahanda-nya sa-telah besar.

Sa-telah bertahun lama-nya "Nakhoda Manis" di-rantau orang, sa-lama itu pula kedatangannya di-nanti oleh ibu-nya, Dayang Ambun sa-hingga habis herta yang di-tinggalkan oleh suami-nya untuk keperluan-nya sendiri kerana bersedekah minta doakan agar Nakhoda Manis selamat di-negeri orang.

Pada sa'at ibu-nya, Dayang Ambun, jatuh miskin itu-lah ia terdengar khabar bahawa bahtera anak-nya tiba dan ia-pun terus mendatangi-nya dengan sa-buah jumpong.

Ketibaan Dayang Ambun itu di-sambut oleh "Nakhoda Manis" dengan kata2 yang menyedehkan kerana beliau malu akan kemiskinan dan keadaan ibu-nya yang telah tua itu.

Dayang Ambun di-halau dari behtera itu.

Apa jadi kepada "Nakhoda Manis" dan ibu-nya akan dapat di-saksikan dalam "Jong Batu" yang akan di-sandiwarakan di-suatu pentas di-padang besar, Pekan Brunei pada malam 8 haribulan ini.

Doktor mata ka-Belait

BANDAR BRUNEI.—Doktor mata, Dr. E. W. Wallace akan berada di-Kuala Belait dari 29 July hingga 1 August untuk memberi nasihat kepada orang2 yang menghidap penyakit mata.

Dr. Wallace tidak akan datang ka-Kuala Belait pada 6 July saperti yang telah di-umumkan.

ROMBONGAN BRUNEI KA-MAHA

BANDAR BRUNEI. — Rombongan perwakilan Brunei kerana menghadhiri pertunjukan Malayan Agricultural and Horticultural Association (MAHA) yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur mulai 3 haribulan ini telah bertolak dari Brunei pada Ithnin sudah.

Mereka itu ia-lah Inche Hamidoon bin Awang Damit (Pegawai Tanam2an Brunei) dan Ibrahim bin Rajit, kedua2-nya dari Pejabat Tanam2an; Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib, Awang Ali bin Haji Bakar dan Awang Judin bin Jalil, dari Brunei Arts and Craft.

Pertunjukan tersebut akan di-adakan sa-lama empat hari berturut2.

Barang2 hasil pertukangan Brunei berharga lebeh kurang \$10,000 akan di-pamerkan di-samping barang2 perbuatan Malaya dalam pertunjukan itu.

Inche Hamidoon dan Awang Tahir di-jangka akan balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada 8 July dan yang lai-nya dalam pertengahan bulan ini.

Kg. Kianggeh dan Berangan bershukor

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis kerana menguchapkan shukor atas kurnian bintang2 kehormatan Persekutuan Tanah Melayu kepada Duli Yang Maha Mulia dan kejayaan baginda dalam perundingan perlembagaan di-London telah di-adakan oleh penduduk2 Kampong Kianggeh baharu2 ini.

Majlis itu di-adakan di-dewan Civic Centre di-sini dan telah di-hadhiri oleh lebeh 500 orang tetamu.

Film lawatan ka-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Satu film atas lawatan Duli Yang Maha Mulia ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini telah tiba di-sini untuk ditayangkan sa-lama dua hari di-tiap2 panggong wayang gambar di-seluruh negeri.

Film itu di-keluarkan oleh Malayan Film Unit dan sekarang ini di-tayangkan di-panggung Boon Pang sa-telah di-pertunjukkan di-panggung Bolkihah.

Sa-lepas di-pertunjukkan di-panggung Ang Kim Boey esok dan hari Juma'at film itu akan di-edarkan ka-panggung2 wayang gambar di-Kuala Belait dan Seria sa-belum di-pertunjukkan di-panggung Mohamed Bolkihah, Tutong.

Lantekan Dato Derma Wijaya

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah mewakili Duli Yang Maha Mulia dalam satu istiadat bergelar yang di-adakan di-Lapau Diraja di-sini pada 25 June.

Dalam istiadat itu Tuan Haji Tamit bin Aspar telah di-anugerahkan gelaran Dato Derma Wijaya.

Istiadat tersebut telah di-saksikan oleh Pengiran2 dan Pehin2 dan di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

BAGINDA BERDAMPING DENGAN RA'AYAT

(Dari muka 4)

Yang Maha Mulia itu telah memilih Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan untuk menyandang kehormatan yang besar itu. Kehormatan itu diterima oleh Yang di-Pertuan Besar itu.

Pada 2 September, 1957—dua hari sa-lepas Persekutuan Tanah Melayu menjadi sa-buah negara yang berdaulat, Baginda ditabalkan sa-bagai Duli Yang Maha Mulia Seria Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu.

Istiadat pertabalan Baginda telah di-langsungkan di-Balai Rong Seri di-kawasan Istana Negara, Kuala Lumpur dan telah disaksikan oleh satu perhimpunan orang besar2 termasuklah Yang Teramat Mulia Duke of Gloucester dan Duchess of Gloucester, Duli2 Yang Maha Mulia Raja2, Melayu dan Permaisuri2 Raja2 itu, bakal2 Gabnor Pulau Pitang dan Melaka, dan Wakil2 negeri2 Kommonwealth dan negeri2 asing.

Rahman menjadi Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu telah di-sambut dengan baik oleh seluruh dunia. Menurut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Yang di-Pertuan Agong itu akan berkhidmat salama lima tahun.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka itu sangatlah mengambil berat dalam hal ahwal yang bersangkutan dengan kebajikan dan Baginda berdamping rapat kerana kepentingan ra'ayat.

Baginda kerap kali hadir dalam temasha2 sukan dan telah menjadi mesra dan di-kasehi oleh seluruh ra'ayat kerana budi pekerti Baginda yang pemurah dan jujur itu.

Semenjak pertabalan-nya menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu Baginda telah melawat ka-seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Sambutan kaseh mesra dan taat setia yang telah dibuktikan dimana2 sahaja Baginda melawat telah dapat di-saksikan dengan sa-jelas2-nya pada masa sambutan rasmi pertama Hari Ulangtahun Keputeraan Baginda.

Pilihan atas Tuanku Abdul

Persuratan penting untuk kemajuan bangsa

BANDAR BRUNEI.—Dunia persuratan kaum wanita adalah satu perkara yang sangat penting untuk kemajuan bangsa dan negara kerana persuratan dan kesusasteraan itu dalam dan luas erti-nya.

Saperti suatu obor persuratan itu menyulohi segala sudut masyarakat sa-suatu bangsa.

Di-negeri2 yang telah maju saperti Amerika, Russia, Eropah dan sabahagian dari Benua Asia ini, bukan sa-dikit kaum wanitanya yang menjadi pengarang, malah ada yang telah mengarang buku2 sains, untuk kebangunan bangsa,

Menulis renchana2 yang mengandongi unsur2 kebudayaan, kesenian, ugama dan politik telah kebiasaan kapada mereka itu.

Wanita2 yang akan menjadi pengarang mesti-lah mempunyai ilmu pengetahuan, luas pemandangan, banyak pengalaman dan banyak pergaulan.

Mereka itu harus mengetahui apa chorak karangan2 yang akan di-karang-nya, bukan membabi buta sahaja dengan tidak tentu tertib karangan dan jalan bahasa-nya. Dengan jalan perantaraan pena itu-lah kelak dapat menyedari kaum jenis-nya supaya bergerak menuju arah kemajuan untuk memperbaiki masyarakat.

Sa-makin ramai wanita yang menjadi pengarang sa-makin bertambah-lah kemajuan kaum wanita dalam negara dan sa-makin pula tinggi kedudukan-nya.

Dalam negeri kita ini sudah pula menjadi soal besar mengapakah wanita kita tidak suka menjadi pengarang, bahkan sahingga kini belum ada sa-orang wanita pun yang menjadi pengarang.

Hal ini dapat-lah kita sendiri meneloh-nya kerana bersebab kurang pengetahuan dalam hal

karang mengarang dan tidak ada perangsang atau orang yang menolong untuk membimbing karang jalan mengarang.

Kekurangan dalam hal ini bukan sahaja terdapat pada kaum wanita malahan kaum laki2 negeri ini pun belum ada yang dapat kita mengahkan dalam segi karang mengarang.

Sa-lain dari itu buta huruf ia-lah satu sebab besar yang menjadikan wanita negeri ini lebeh mundur dari wanita lain2 negeri.

Jika di-hitong peratus harus hanya 5 peratus wanita negeri ini yang tahu menulis dan membacha.

Untuk meninggikan taraf wanita negeri ini ada-lah kepentingan wanita2 yang sa-dikit sahaja bilangan-nya itu menjadi pelopor dalam zaman kesedaran ini.

Mereka itu hendak-lah memberi penerangan2 yang jelas kapada kaum wanita yang maseh gelap dalam segala2-nya dan membimbing mereka yang maseh buta huruf itu dan membukakan mata mereka untuk melihat dunia yang luas ini.

Dengan bersenjatakan hujong pena itu kelak kita akan dapat mempertahankan hak kita sebagai manusia. Dengan hujong pena juga kita akan dapat mengubah nasib kita dan memutuskan rantai adat kuno dan lapok yang sentiasa mengikat kaum wanita sa-hingga tidak bergerak atau keluar dari rumah sa-lama ini.

Nasib kaum wanita terserah kapada wanita sendiri kerana Tuhan telah berfirman: "Tidak siapa yang dapat mengubah satu2 kaum itu melainkan kaum itu

sendiri yang mengubah-nya." — M. Samsinah.

Biar mati anak jangan mati adat?

BANDAR BRUNEI.—

Adat... Biar mati anak jangan mati adat. Barang siapa yang berkata demikian ia berpura2 sahaja dalam zaman kemajuan dan kesedaran ini.

Sekarang banyak adat yang sudah di-matikan kerana sayangkan ank, tambahan lagi sa-tengah2 adat itu menyekat kemajuan, lebeh2 lagi buat kaum wanita.

Mithal-nya: adat makan sireh. Makan sireh itu ia-lah untuk dato nenek kita menyerikan bibir. Memakai chelak mata pula untuk menyerikan mata, tetapi pada masa ini kaum wanita berkata makan sireh itu akan mengotorkan mulut dan gigi.

Mereka itu tidak memakai adat itu lagi.

Jika tok nenek kita hendak menyerikan jari tangan dan kaki-nya mereka menggunakan inai. Sekarang adat itu hanya di-banggakan pada masa perkahwinan sahaja.

Ada adat yang harus kita hapuskan dan ada yang mesti kita kekalkan walau bagaimana pun kemajuan yang telah kita chapai.

Adat yang membazir dan merugikan masa dan tenaga harus di-hapuskan dan adat menyekat kemajuan wanita di-zman ini hendak-lah di-tanggalkan. — Halimah Hussin.

ROMBONGAN X-RAY LAWAT KAMPONG AYER

BANDAR BRUNEI.—Penduduk2 Kampung Ayer yang berjumlah lebih dari 10 tahun telah mendapat satu keuntongan besar baharu2 ini apabila anggota2 dari Jabatan Kesihatan Negeri Brunei melawat ka-kampung2 itu kerana memeriksa kesihatan mereka.

Pemeriksaan tersebut telah dijalankan ia-lah kerana hendak menjauhi orang ramai dari menghidap penyakit batuk kering. Batok kering atau TB itu sangat merbahaya dan mudah berjangkit kapada orang2 yang sihat.

Untuk menjalankan pemeriksaan ka-atas penduduk2 yang tinggal di-Kampung Ayer kereta dan alatan Xray Jabatan Kesihatan telah di-muatkan ka-dalam kapal ferry "Higgins".

Tugas memeriksa dengan Xray itu telah di-selenggarakan di-bawah kelolaan Dr. M.A. Rozalla, Penangku Pegawai Perubatan Negeri dan Dr. P. G. Griffiths, sa-orang pakar penyakit batok kering dari rumah sakit besar, Bandar Brunei.

Ketua2 kampung dari beberapa buah kampung yang di-lawati oleh rombongan Xray itu telah turut memberi pertolongan dengan membawa anak2 buah mereka dengan perahu dan motor sangkut dari rumah masing2 ka-ferry "Higgins" itu.

(Lihat muka 7)

Gambar di-bawah:—Ibu2 dan murid2 Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri sedang asheh mendengar bachean kitab suci Al-Koran yang telah di-perdengarkan oleh murid2 sekolah2 itu waktu mengadakan sambutan Hari Raya Haji baharu2 ini.


BERKELUBONG DI-LAPANGAN TERBANG

BANDAR BRUNEI.—Dua orang perempuan yang turun dari kapal terbang di-lapangan terbang di-sini baharu2 ini telah mengemparkan orang ramai kerana pakaian mereka yang luar biasa.

Perempuan2 itu berkelubong. Hanya mata mereka sahaja kelihatan berkelip2.

Mereka itu ia-lah isteri Tuan Z. M. Ishaque, sa-orang kakitangan Kerajaan dan isteri Tuan P. Mohd. Kassim, sa orang pekerja di-Pejabat Electric, Brunei. Kedua2-nya berasal dari India.

Tuan Ishaque berkata perempuan2 Islam di-kampung-nya di-India maseh berpegang pada adat turun temurun yang tidak membenarkan kaum wanita mendedahkan muka mereka.



TEMASHA MEMILEH JOHAN SELUROH NEGERI

BANDAR BRUNEI.— Temasha sukan Daerah Brunei di bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association telah diadakan bagi kali pertama-nya di-padang di-sini pada petang 26 dan 27 June lepas.

Sukan daerah itu di-adakan untuk memilih johan2 yang akan bertanding dalam temasha sukan seluruh negeri yang akan di-langsungkan di-Seria pada 4 July.

Laki2 dan perempuan telah mengambil bahagian dalam temasha itu. Semua-nya 35 pertandingan telah di-adakan.

Pemenang2 ada-lah seperti berikut:

(3 Batu) — (1) Joseph Chin, (2) Harun Samad.

Pole Vault) — (1) Ak. Ibrahim, (2) Omar Ali.

(1 Batu) — (1) Joseph Chin, (2) Harun Samad.

Lembing (Perempuan) — (1) Mastura Ahmad, (2) Fatimah King.

(Lompat Pagar 120 Ela) — (1) Peter Foh, (2) Md. Hassan Sungoh.

(100 Ela Perempuan) — (1) Wong Yeh Kong, (2) Chin Jit Saw.

(Lompat Pagar 440 Ela) — (1) Abu Bakar Ibrahim, (2) Sulaiman Chuchu.

(110 Ela) — (1) Masri Sulleh, (2) Abdullah Mustapha.

(Lompat Tinggi Perempuan) — (1) Wong Yeh Kong, (2) Enrica Short.

(Lembing) — (1) S. Sebastian, (2) Goh Kim Teck.

(880 Ela) — (1) Ak. Othman, (2) Yusof Hamid.

(220 Ela) — (1) Abdullah Mustapha (2) Morni Nasir.

(Lompat Jauh) — (1) Johnny Marcus, (2) Masri.

LANGKAH UNTUK MENGHAPUSKAN BATOK KERING

(Dari muka 6)

Langkah yang di-amal oleh pihak yang berkuasa bagi menolong penduduk2 Negeri Brunei dari serangan penyakit batok kering itu telah mendapat sambutan yang baik. Orang2 perempuan dan orang2 tua telah berduyun2datang.

Orang2 perempuan lebih ramai daripada orang laki2 datang ka-ferry itu. Ini ia-lah kerana orang laki2 itu menjalankan pekerjaan masing2 seperti menangkap ikan, menjual ikan dan membuat lain2 pekerjaan.

Langkah membawa kereta Xray dan kelengkapan Xray itu memberi kesenangan dan kemudahan kepada mereka itu kerana mereka tidak payah pergi ka rumah sakit untuk di-periksa.

(220 Ela Perempuan) — (1) Chin Git San, (2) Chin Git Nue.

(Piring) — (1) D. Simon, (2) A. Yahya.

(Lompat Jauh Perempuan) — (1) Wong Lee Ching, (2) Teo Sui Hew.

(Lompat Tinggi) — (1) See Chee Kiat, (2) Lim Beng Tai.

(440 Ela) — (1) Ak. Ibrahim, (2) Chin Yie Wah.

(Baling Peluru Perempuan) — (1) Wong Yeh Kong, (2) Chee Sui Mei.

(4 x 110 Relay Laki2) — (1) B.T.T.C. 'A', (2) S.O.A.S.

(Hop-step & Jump) — (1) Johnny Marcus, (2) S. Sebastian.

(Piring, Perempuan) — (1) Wong Yeh Kong, (2) Mastura.

(Baling Peluru) — (1) D. Simon, (2) Lim Beng Tai.

(4 x 110 Ela Perempuan) — (1) Chung Hwa School, (2) S.T.P.R.I. 'A'.

(440 x 4 Relay) — (1) B.T.T.C.

Hadiah2 kepada pemenang telah di-sampaikan oleh Puan Ong Kim Kee, isteri Tuan Ong Kim Kee, Yang di-Pertua Brunei AAA.

Sementara itu, temasha sukan bagi daerah Belait pula telah di-langsungkan di-padang Shell Recreation Club pada petang 27 dan 28 June yang lalu.

Pemenang2 dalam temasha itu telah juga di-pilih untuk mengambil bahagian dalam sukan seluruh negeri yang akan di-adakan di-Seria kelak.

SUKAN PEMUDA PEMUDI SELUROH NEGERI

Pasokan Kianggeh telah mengalahkan Seria/Belait Youth Club dalam perlawanan akhir bola sepak anjoran Lembaga Pemuda Pemudi Brunei pada 16 June. Gambar menunjukan ketua pasokan Kianggeh, Pengiran Salleh menerima piala perak daripada Yang di-Pertua Lembaga Pemuda Pemudi, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof, di-dewan SOAS College



KEPUTUSAN SUKAN PEMUDA PEMUDI

BANDAR BRUNEI.— Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah mengadakan pertandingan2 berenang, bola sepak, badminton dan pinging di-Bandar Brunei pada Hari Raya Haji baharu2 ini dengan mendapat sambutan yang baik.

Sa-ramai 16 orang pemuda2 telah masuk bertanding dalam perlumbaan berenang menyeberangi Sungai Brunei di-hadapan Tambatan Custom pada pagi hari tersebut.

Hashim Majid dari Kampong Sabah telah memenangi perlumbaan itu, di-turut oleh Yunus Tudin dan A. Alli kedua-nya dari Daerah Brunei.

Dalam satu perlawanan bola sepak di-Padang Pekan Brunei pada petang hari tersebut, Kampong Kianggeh telah mengalahkan Pasokan Seria/Belait Youth Klab dengan 7 gol berbalas 1.

Pasokan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Brunei telah mengalahkan Seria/Belait Youth Klab dengan 4 perlawanan berbalas 1 di-dewan sukan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada malam 16 June.

Dalam pertandingan pinging yang telah di-adakan di-dewan Civic Centre pada petang 16 June, Seria/Belait Youth Klab telah mengalahkan Pasokan Bekas Penuntut2 Sekolah China Brunei dengan 4 perlawanan berbalas 1.

Hadiah2 kepada pihak2 yang berjaya dalam pertandingan2 tersebut telah di-sampaikan sesudah tamat pertandingan badminton di-S.O.A.S. College pada malam 16 June oleh Yang di-Pertua Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof.

Lumba perahu menyambut Seri Paduka

BANDAR BRUNEI.— Temasha perlumbaan perahu akan di-adakan di-Sungai Brunei bertentangan dengan tambatan Kastam di-sini sa-bagai satu dari acara2 kerana menyambut kedatangan Duli Yang Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu.

Temasha itu di-anjarkan oleh Brunei Rowing Club dan akan di-adakan pada 7 July.

Yang di-Pertua Club tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera berkata 10 jenis perlumbaan telah di-chadangkan. Perlumbaan itu terbuka kepada am.

Perlumbaan itu ia-lah: Perahu 3 orang perahu 5 orang, perahu 10 orang, perahu 15 orang, perahu 20, perahu 30 orang, outboard motobot penumpang 35 kuda, outboard motobot Seagull 4 kuda, outboard motobot lumba 18 kuda dan outboat lumba 35 kuda.

7 orang di-tahan dalam serbuan

BANDAR BRUNEI.— Tujuh orang telah di-tahan oleh Polis Brunei baharu2 ini berikutan dengan beberapa serbuan sa-rentak ka-atas dua buah rumah di-kampong China dan sa-buah rumah lagi di-hadapan bangunan Radio Brunei di-sini.

Barang2 seperti paip chandu, lampu2 dan benda2 yang di-shakkan chandu telah di-dapati dalam serbuan itu.

BANG DAN DOA SELAMAT DI-LAPANGAN TERBANG

(Dari muka 4)

SABTU, 11 JULY, 1959

Isteri Fatimah di-sambut oleh Guru Besar Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.
 10.20 " — Rombongan Diraja berangkat dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.
 10.25 " — Rombongan Diraja tiba di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-sambut oleh Guru Besar Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri. Santapan Teh akan di-persembahkan sesudah selesai lawatan.
 10.55 " — Rombongan Diraja berangkat dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri menuju ka-General Hospital, Bandar Brunei.
 11.00 " — Rombongan Diraja tiba di-General Hospital di-sambut oleh State Medical Officer dan lain2 Pegawai kanan.
 11.30 " — Rombongan Diraja berangkat dari General Hospital menuju ka-Residency.
 4.25 petang — Pasokan Pancharagam Persekutuan Tanah Melayu menamatkan permainan-nya.
 5.30 " — Pasokan Pancharagam Persekutuan Tanah Melayu menamatkan permainan-nya.
 7.00 malam — Berchuchul di-kawasan Bandar Brunei dan Kampong Ayer.
 7.30 " — Temasha malam di-mulakan.
 8.15 " — Sandiwar "Jong Batu".
 12.00 " — Jamuan Di-raja, di-Istana Darul Hana Brunei, di-ikuti dengan panchak dan silat.
 8.00 pagi — Temasha malam di-tamatkan.

KHAMIS, 9 JULY, 1959

Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Paduka Sultan Brunei dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat dari Residency untuk menuju ka-Kuala Belait di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri, Yang Berhormat British Resident, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Isteri, Penolong Resident Belait dan Pengiring2 yang di-khaskan.
 9.20 " — Rombongan Diraja melalui Pekan Seria.
 9.45 " — Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Rombongan Diraja tiba di-Padang, Kuala Belait di-sambut oleh Pegawai Daerah Belait, Pegawai Daerah Seria Pengurusi Majlis Mashuarat Daerah dan Managing Director, B.S.P. Company Ltd., dan Bendera Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-kibarkan.
 Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong menerima Barisan Kehormatan, Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu di-bunyikan.
 Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong memeriksa Barisan Kehormatan.
 Rombongan Diraja berangkat dari Padang Kuala Belait melalui barisan budak2 Sekolah untuk melihat Bandar Kuala Belait — terus ka-Istana Kota Manggalela.
 11.00 " — Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Yang Maha Mulia Seri Baginda Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat melawat Padang Minyak.
 1.00 tengah hari — Jamuan Santapan Tengah Hari di-Rumah Managing Director B.S.P. Company Ltd., Seria.
 7.00 malam — Berchuchul di-Kakasan Bandar Kuala Belait.
 7.15 " — Jamuan perjumpaan di-Rumah Assistant Resident Belait di-iringi dengan pertunjukan Kebudayaan Belait.
 7.30 " — Temasha malam di-mulakan.

JUMA'AT, 10 JULY, 1959

8.30 pagi — Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Rombongan Perangkatan Diraja berangkat dari Istana Kota Manggalela menuju ka-Brunei.
 10.15 " — Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Raja Permaisuri Agong dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Isteri berserta dengan ahli2 Rombongan tiba di-Residency, di-sambut oleh Menteri2.
 12.40 tengah hari — Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei tiba di-Masjid Omar Ali Saifuddin kerana sembahyang Juma'at.
 4.30 petang — Jamuan Teh di-kawasan Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei Persembahan dari Persatuan Kesatuan Islam, Brunei, sa-lepas itu Rombongan Diraja akan melawat Masjid Omar Ali Saifuddin.
 7.00 malam — Berchuchul di-kawasan Bandar Brunei.
 7.00-8.25 malam — Jamuan perjumpaan di-Istana Darul Hana, Brunei.
 7.30 malam — Temasha malam di-mulakan.
 8.30 " — Jamuan Kerabat Diraja di-Istana Darul Hana, Brunei.
 12.00 " — Temasha malam di-tamatkan.

9.30 pagi — Istiadat meletakkan Batu Asas bagi Batu Peringatan Perangkatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong oleh Baginda sendiri.
 10.00 " — Yang Maha Mulia Baginda Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat melawat tukang perak dan bertennu kain di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri di-sambut oleh Yang Berhormat Pehin Laksamana.
 3.00 petang — Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat dengan kereta untuk bersiar2.
 7.00 malam — Berchuchul di-kawasan Bandar Brunei.
 8.15 " — Jamuan Selamat Perpisahan bagi Rombongan Diraja balek ka-Persekutuan Tanah Melayu, di-Istana Darul Hana, Brunei.

AHAD, 12 JULY, 1959

8.45 pagi — Yang Berhormat Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan ahli jemputan bersedia di-Padang Kapal Terbang Berakas.
 8.55 " — Yang Berhormat British Resident dan Yang Amat Mulia Cheteria2 tiba di-Padang Kapal Terbang.
 9.00 " — Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong berserta dengan Yang Maha Mulia Raja Isteri tiba di-Padang Kapal Terbang Berakas di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Isteri dan orang2 yang di-khaskan. Bendera Diraja di-kibarkan.
 Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong menerima barisan Kehormatan. Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu di-bunyikan.
 Doa Selamat di-bacha oleh Pehin Seraja Khatib.
 Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong memeriksa Barisan Kehormatan.
 Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat menuju ka-Kapal Terbang bersama2 dengan Rombongan Diraja di-iringi dengan tembakan meriam kebesaran Diraja sa-banyak 21 das.
 Bang oleh Mudim Haji Wasli.
 Kapal Terbang mula bergerak dan terus terbang menuju ka-Persekutuan Tanah Melayu.
 Upacara Sambutan Tamat.

KEPUTUSAN PILEHAN RAYA NEGERI2

KUALA LUMPUR. — Beberapa buah Majlis Undangan Negeri telah mengadakan persidangan kali pertama-nya sa-telah pilehan raya memilih ahli2 majlis itu di-adakan baharu2 ini. Ahli2 telah mengangkat sumpah dan Pengerusi atau Speaker di-pilih bagi Majlis2 Undangan Malacca, Kedah dan Perak.

Semua-nya 11 Majlis Undangan telah di-pilih oleh ra'ayat.

Party Perikatan yang berkuasa di-Persekutuan Tanah Melayu telah memenangi pilehan raya di-sembilan buah negeri tetapi telah di-tewaskan oleh Party Islam sa-Malaya di-dua buah negeri ia-itu, Trengganu dan Kelantan.

Party Islam itu berikrar hendak memerintah mengikut dasar Koran.

Potongan atas allowance

SINGAPURA. — Allowance2 yang di-bayar kepada kira2 13,000 orang kaki tangan kerajaan akan di-potong mulai 1 July ini menurut satu pengumuman Kerajaan Singapura.

Langkah itu ia-lah satu gerakan hendak mengurangkan perbelanjaan kerana Negara Singapura di-katakan menghadap kekurangan wang belanjawan sabanyak \$14,000,000 bagi tahun ini.

Wanita masok Kolej Islam

KLANG (Malaya). — Kolej Islam Malaya telah menerima empat orang penuntut wanita untuk kali pertama-nya bagi memulakan pelajaran mereka pada tahun hadapan.

Sa-hingga penerimaan wanita2 itu penuntut2 Kolej itu terdiri dari kaum laki2 sahaja.

Wanita itu ia-lah di-antara sembilan orang wanita yang telah di-pilih untuk memasoki pepereksaan Kolej tersebut dalam bulan May tahun ini.

Kolej itu bermaksud mengadakan satu lagi pepereksaan untuk penuntut2 laki2 dan wanita dalam bulan December ini.

Sementara itu, Lembaga Pengurus Kolej itu dan Persidangan Raja2 Melayu sedang memikirkan sama ada perlu atau tidak di adakan pemisahan darjah2 untuk wanita dan laki2.